



Muhammad Faris mengusahakan gerai cendol di tapak jualan sekitar UPM.

pahan khas bagi majlis perkahwinan dan acara persendirian yang secara tidak langsung menjadi satu kaedah mempromosikan cendol kami," katanya.

Keputusannya menjadikan cendol sebagai produk untuk menerokai bidang perniagaan secara serius bersama-sama abang saudaranya, ternyata tepat kerana berjaya memikat ramai pelanggan, khususnya dalam kalangan warga universiti.

Muhammad Faris berkata, perniagaan yang dimulakan dengan modal RM2,000 itu mencatat lonjakan jualan memberangsangkan, sekali gus memudahkan mereka mendapat pelanggan.

"Saya lebih berperanan menguruskan strategi pemasaran dan promosi, manakala abang saudara bersama-sama pasukannya akan memastikan per-

#### INFO

##### Pilihan Serdang Cendol

Cendol Klasik	RM1.80
Cendol Original	RM2.00
Cendol Pulut	RM2.50
Cendol Aiskrim (berpulut)	RM3.00
Cendol Durian (bermusim)	RM4.00

sediaan dan bekalan bahan cukup.

##### Jejajah tanah air

"Hal yang pasti, keistimewaan dan keenakan cendol yang menggunakan resipi tersendiri menyebabkan pelanggan tidak putus-putus datang merasai cendol kami," katanya.

Muhammad Faris berkata, mereka menjelajah dari Utara hingga ke Selatan tanah air untuk merasai cendol yang popular sebelum membuat olahan bagi menghasilkan cendol resipi tersendiri.

Katanya, usaha itu nyata tidak sia-sia kerana Serdang Cendol kini semakin menempa nama dalam kalangan penggemar cendol.



## Tarikan 'Serdang Cendol'

Oleh Basir Zahrom

basir\_zahrom@bh.com.my

↳ Serdang

Keenakan cendol di gerai 'Serdang Cendol' yang diusahakan pelajar Bacelor Kejuruteraan Biosistem dan Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Faris Jaafar, 22, menjadi tarikan masyarakat sekitar Serdang.

Menggunakan resipi olahan sendiri, Muhammad Faris mengakui teruja

apabila mampu meraih keuntungan sekitar RM400 hingga RM500 sehari hasil jualan cendol.

Beliau yang aktif menyertai bazar atau tapak niaga di dalam dan di luar universiti berkenaan bagaimanapun mengakui belum mempunyai lokasi tetap untuk perniagaannya.

"Biarpun tiada lokasi tetap, saya tetap aktif mencari peluang untuk berniaga di mana-mana sahaja, sama ada di dalam atau di luar kampus dengan membayar sewa tapak.

##### Tempahan khas

"Saya juga memenuhi tem-



Serdang Cendol yang menjadi tarikan peminat cendol.

